

TAJUK KAJIAN:

**PERANAN MASYARAKAT KRISTIAN DALAM MEMUPUK
PERPADUAN MASYARAKAT MELALUI PEMBANGUNAN
SOSIO-EKONOMI DI SABAH**

OLEH

PROF DATUK DR DENISON JAYASOORIA
INSTITUT KAJIAN ETNIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

RINGKASAN EKSEKUTIF

Peranan Masyarakat Kristian dalam Memupuk Perpaduan Masyarakat Melalui Pembangunan Sosio-Ekonomi Di Sabah

PENGENALAN

Demografi di Sabah menunjukkan kepelbagaian yang sangat ketara daripada penduduk di Semenanjung Malaysia. Warga Kristian di Sabah membentuk 26.6% daripada penduduk Sabah, Malaysia pula terdiri daripada 3.5 juta penduduk Malaysia. Populasi masyarakat Kristian di Sabah adalah berbeza jika dibandingkan dengan purata kebangsaan. Kedudukan sedemikian menunjukkan Sabah adalah negeri yang unik yang mempunyai ramai warga Kristian Pribumi, yang juga dikelaskan sebagai Bumiputera Kristian. Justeru itu, Bumiputera Sabah beragama Kristian dan juga sangat berpengaruh dari segi politik, sosial dan ekonomi.

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenal pasti program dan projek yang dilaksanakan oleh organisasi Kristian di Sabah dalam menangani isu masyarakat yang terpinggir;
- b) Mengetahui apakah motivasi yang menggerakkan para individu dan organisasi dalam inisiatif pembangunan komuniti; dan
- c) Mengetahui beberapa aspek lain iaitu mengetahui cabaran yang dilalui, nilai panduan, impak program atau intervensi dan hasil pembelajaran serta cadangan untuk mengatasi isu masyarakat yang masih belum diselesaikan di peringkat negeri.

METODOLOGI KAJIAN

- a) Responden Kajian
Sebanyak 23 organisasi Kristian dikenalpasti dalam kajian ini.
- b) Lokasi Kajian
Kota Kinabalu, Tuaran, Kudat dan Ranau dan Sandakan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mengenal pasti banyak program intervensi yang inovatif yang telah membawa manfaat besar kepada komuniti sasaran seperti belia, wanita dan golongan yang berpendapatan rendah. Kajian ini juga mengenal pasti 23 organisasi yang mempunyai keunikan masing-masing dalam usaha kearah pembangunan masyarakat pribumi di Sabah. Sehubungan dengan itu, 6 projek utama yang inovatif dikenal pasti dalam kajian ini yang boleh diambil sebagai modal intervensi. Diantaranya adalah projek pembangunan ekonomi melalui program Pemuliharaan Alam Sekitar atau *Eko-Tourism*, Program Pembangunan Belia, '*Youth Prep*' yang menggunakan kaedah '*One Stop Jam Centre*', Program Pendidikan Alternatif untuk kanak-kanak terpinggir dan program pendidikan untuk kanak-kanak istimewa melalui aktiviti perpustakaan permainan (*Toy Library*). Dua modal yang cukup baik adalah projek Perhutanan Masyarakat atau *Community Forestry*. Projek ini dilaksanakan di Gumantong dan Bundu Tuhan dimana inisiatif pemuliharaan hutan dan alam adalah tunggak kesejahteraan masyarakat tempatan. Kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan bekerja rapat dengan institusi seperti gereja dan NGO Kristian dengan menyediakan dana dan menganjurkan program pembinaan kapasiti.

KESIMPULAN KAJIAN

Proses kajian ini membuka ruang yang baik untuk mendengar keluhan dan pandangan NGO Kristian di Sabah. NGO Kristian mempunyai pengasingan dari agensi kerajaan dan mereka bekerja dengan solo disebabkan takut pergerakan mereka akan dikawal.

Kerajaan perlu mengiktiraf organisasi Kristian dan JPNIN sebagai satu jambatan untuk mengurangkan jurang di antara masayarakat dan agensi persekutuan.

CADANGAN KAJIAN

- a) Kerajaan Persekutuan dan Negeri
 - Umat Kristian Tonggak Pembangunan Masyarakat Peribumi
 - Memberi Pengiktirafan kepada NGO Kristian dalam Perjuangan Hak Asasi Manusia
 - Kerajaan menyediakan Bantuan Dana
 - Keimanan adalah Motivasi Utama dalam Kerja Amal
 - Menghentikan Pengislaman
- b) Kerajaan Persekutuan – JPNIN
 - Memperkenalkan Program Sayangi Komuniti (PSK) di Bundu Tuhan dan Gumontong
 - Melanjutkan kajian di kawasan lain di Sabah, Sarawak dan Semenanjung
- c) Gereja
 - Latihan Untuk Staf dan Sukarelawan
 - Penyampaian Yang Efisen
- d) Komuniti
 - Perhutanan Komuniti (*Community Forestry*)